

12 APRIL 2018

'Tokan' janji upah lumayan

BH Khamis, 12 April 2018

STATISTIK PELAJAR SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BERISIKO DADAH

| NEGERI | SEKOLAH RENDAH | BILANGAN MURID | SEKOLAH RENDAH | BILANGAN MURID |
|---------------------------|----------------|------------------|----------------|----------------|
| PERLIS | 37 | 13,425 | 22 | 18,163 |
| KEDAH | 240 | 99,157 | 101 | 89,019 |
| PULAU PINANG | 171 | 85,616 | 89 | 82,396 |
| PERAK | 384 | 100,354 | 139 | 108,467 |
| SELANGOR | 230 | 208,286 | 111 | 153,207 |
| WILAYAH PERSEKUTUAN | 116 | 64,609 | 65 | 49,476 |
| NEGERI SEMBILAN | 141 | 48,385 | 64 | 52,945 |
| MELAKA | 33 | 14,800 | 23 | 17,415 |
| JOHOR | 265 | 263,708 | 145 | 158,092 |
| PAHANG | 62 | 24,213 | 40 | 22,843 |
| TERENGGANU | 76 | 35,904 | 51 | 40,405 |
| KELANTAN | 112 | 53,028 | 68 | 55,583 |
| SABAH | 82 | 43,247 | 30 | 33,349 |
| SARAWAK | 75 | 32,294 | 48 | 63,043 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 2,024 | 1,087,026 | 996 | 944,403 |

Sumber: AADK



Remaja dan pelajar yang dipergunakan sindiket atau 'tokan' dadah dijanjikan upah lumayan serta dadah percuma sebagai balasan"

Izhhar Abu Talib,
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK

'Tokan' janji upah lumayan

➔ Sindiket pengguna pelajar edar dadah kepada rakan sebaya

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket dadah menggunakan pelajar untuk mengedar dan menjual bahan terlarang berkenaan kepada penagih, terutama rakan sebaya.

Modus operandi itu terdedah hasil operasi dan siasatan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang turut membuat penemuan mengejutkan apabila ada kanak-kanak seawal usia 10 tahun dikesan sudah terjebak dalam gejala penagihan dadah.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Datuk Izhhar Abu Talib, berkata remaja dan pelajar yang dipergunakan sindiket atau 'tokan' dadah dijanjikan upah lumayan serta dadah percuma sebagai balasan.

"AADK mengesan modus operandi tokan dadah yang menggunakan pelajar sebagai ejen menjual bahan terlarang itu termasuk kepada rakan sebaya.

"Mereka dijanjikan pendapatan lumayan dan dadah per-

STATISTIK KESELURUHAN PENAGIH DADAH YANG DIKESAN ANTARA 2013 HINGGA 2017

| TAHUN | STATUS KES | | |
|-------|------------|----------|--------|
| | BARU | BERULANG | JEMPAH |
| 2013 | 13,481 | 7,406 | 20,887 |
| 2014 | 13,605 | 8,172 | 21,777 |
| 2015 | 20,289 | 6,379 | 26,668 |
| 2016 | 22,923 | 7,921 | 30,844 |
| 2017 | 18,440 | 7,482 | 25,922 |

Sumber: AADK

cuma sebagai upah agar 'berkerja keras' mencari pelanggan," katanya.

Beliau mendedahkan demikian pada temu bual eksklusif bersama BH, berkata gejala penagihan dadah dalam kalangan pelajar juga meningkat dengan mendadak saban tahun.

178 kawasan berisiko

Katanya, saringan ujian air kencing dilakukan AADK terhadap 36,876 pelajar sekolah menengah dari 178 kawasan berisiko di seluruh negara tahun lalu, mendapati 1,750 atau lima peratus positif dadah.

Beliau berkata, ia menunjukkan kenaikan 1.2 peratus berbanding 1,411 pelajar atau 3.8 peratus daripada 35,522 pelajar diuji pada tahun sebelumnya.

Data AADK juga mendedahkan 1,087,026 murid di 2,024 sekolah rendah seluruh negara berisiko terjebak dalam gejala penagihan dadah, manakala pada peringkat menengah pula, 944,403 pelajar di 996 sekolah.

Izhhar mengakui ganja adalah pemula kepada seseorang termasuk remaja mengambil dadah lain yang memberi kesan khayalan serta tenaga lebih seperti heroin, morfin dan seterusnya dadah perangsang seperti ecstasy, syabu dan pil kuda.

"Rekod kita mengesahkan pengaruh rakan serta persekitaran, dikelilingi orang dewasa membuatkan kanak-kanak dan remaja cenderung turut mencuba perbuatan seperti merokok, hidu gam dan meneguk minuman memabukkan.

"Justeru, kawalan perlu dibuat dari awal dengan menyekat pengambilan dadah pemula ini oleh remaja. Jika tidak dikawal, mereka akan terus hanyut dengan pengambilan dadah perangsang," katanya.

Beliau berkata, selain aspek sosial dan ekonomi, faktor lain mendedahkan remaja kepada penagihan dadah termasuk aspek persekitaran, bagaimana golongan itu dibesarkan serta latar belakang keluarga.

"Kita awal pertambahan penagih muda sebagai serius, namun trend perpindahan jenis dadah diambil daripada konvensional seperti gam, ganja, heroin kepada jenis sintetik seperti syabu, ecstasy, pil kuda dan bahan psikoaktif baharu lebih membimbangkan," katanya.

Dalam membantu pelajar keluar daripada masalah penagihan, Izhhar berkata, AADK bekerjasama dengan sekolah melakukan pengesanan menerusi ujian saringan di sekolah, khususnya di kawasan dikenal pasti berisiko tinggi.

"Pelajar didapati positif melalui ujian air kencing diserahkan kepada pihak sekolah dan dipulihkan menerusi program pencegahan dan kaunseling yang turut melibatkan ahli keluarga. Jika pembabitkan mereka serius dan program di sekolah tidak berupaya memulihkan, mereka dirujuk kepada AADK," katanya.

Program pemulihan itu, katanya, bukan sahaja terhadap pelajar terabit dadah, tetapi juga pelajar berisiko yang menunjukkan perubahan personaliti seperti tidak menyiapkan kerja sekolah, ponteng, menghidu gam, merokok serta melanggar disiplin lain.

"Menerusi program ini, kita tekankan kemahiran hidup, daya tindak untuk mengatakan tidak kepada dadah, kemahiran berkomunikasi, bersosial selain menyelitkan elemen pendidikan bahaya dadah," katanya.